



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD ALI BIN MANSOR  
KETUA PENGARAH  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**SEMPENA  
PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN  
KOPERASI (MasKop) 2023**

**TARIKH & MASA  
17 MAC 2023 (JUMAAT)  
11.30 PAGI**

**TEMPAT  
HOTEL CASUARINA@MERU  
IPOH, PERAK**

**ANJURAN  
ZON TENGAH  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

## **Pembuka Kata**

1. Bismillahhirrahmanirrahim
2. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.
3. Terima kasih saudara pengacara majlis.
4. (senarai salutasi)

## **Kata Aluan**

**YBhg. Tan Sri, Datuk, Tuan dan Puan hadirin sekalian,**

1. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam **Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop)** yang pada kali ini diadakan di Stesen Ipoh Perak.
2. Sehingga kini **29 program MasKop** telah dilaksanakan dengan penyertaan **6140 orang peserta**. Program yang dianjurkan pada hari ini adalah merupakan program MasKop ke-2 yang dianjurkan di peringkat Negeri Perak anjuran Zon Tengah. Sebelumnya, Program Maskop telah diadakan di Lumut Perak pada 2 Februari 2023 dan kehadiran peserta juga adalah amat menggalakkan.

3. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak urusetia IKMa Zon Tengah, Cawangan Ipoh dan semua yang terlibat kerana telah berjaya melaksanakan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop). Tahniah sekali lagi kepada semua.
4. Tidak lupa, terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak SKM Perak, ANGKASA Perak dan rakan - rakan Agensi KUSKOP Perak yang sentiasa memberi kerjasama dan sokongan dalam bersama – sama dengan IKMa dalam apa jua program membangunkan gerakan koperasi khususnya di Negeri Perak.
5. Syabas dan terima kasih juga kepada semua peserta yang hadir pada hari ini, Tuan dan Puan adalah penggerak koperasi yang sentiasa hadir menyertai program anjuran IKMa tanpa rasa jemu dan yang pastinya adalah untuk sama – sama membangunkan gerakan koperasi. Syabas dan terima kasih kepada semua yang hadir pada program kali ini. Semoga kehadiran dan usaha murni semua ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

**Tuan dan Puan hadirin sekalian,**

6. Program MasKop merupakan antara program tahunan IKMa yang dijalankan dan tujuan utama program MasKop ini adalah antara inisiatif IKMa turun ke padang untuk bertemu dengan gerakan koperasi demi memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap

pentingnya peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti dan Negara khususnya.

7. Antara lain objektif MasKop adalah bertujuan:
  - (i) Pendedahan tentang keistimewaan berkoperasi kepada masyarakat setempat amnya dan pemimpin serta anggota koperasi khususnya.
  - (ii) Menguar-uarkan kesungguhan dan inisiatif Kerajaan, Kementerian dan Agensi dalam menyediakan kemudahan program pendidikan dan latihan pembangunan modal insan dalam kalangan anggota koperasi dan masyarakat.
8. Pendekatan yang diambil pada tahun ini adalah melalui cara turun padang dan berjumpa dengan kumpulan sasar di seluruh Malaysia. 30 buah lokasi telah dikenal pasti untuk penganjuran program MasKop pada tahun ini yang telah mula dilaksanakan pada Januari 2023.
9. Program MasKop pada hari ini merupakan program MasKop yang terakhir bagi tahun 2023 merupakan penutup bagi program MasKop 2023. Alhamdulillah dengan penyertaan yang menggalakkan pada hari ini saya percaya dengan komitment tuan – puan gerakan koperasi mampu merealisasikan hasrat Kerajaan melalui **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom)**.

**Tuan/Puan Hadiran Sekalian,**

10. Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) bagi tempoh 5 tahun (2021 – 2025) merupakan pelan transformasi strategik yang menggariskan matlamat, sasaran dan langkah strategik yang akan dilaksanakan untuk memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia.
11. Tinjauan unjuran ekonomi Negara bagi **Tahun 2023** yang menjangkakan keadaan ekonomi Malaysia yang sederhana iaitu pada kadar antara **4 hingga 5 peratus**. Walaupun begitu, pembangunan koperasi dijangka akan terus diperhebatkan melalui Pelan TransKom ini dan adalah diharapkan Pelan ini akan dapat memberi manfaat yang besar dan menyeluruh untuk kesejahteraan semua koperasi.
12. Hasrat Kerajaan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) adalah supaya pembangunan sektor koperasi akan diperhebat sebagai medium untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi masyarakat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Melalui gerakan koperasi ini juga dapat memberi galakan berterusan dalam menangani isu berkaitan peningkatan kos sara hidup bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi.
13. IKMa merupakan agensi di bawah **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**. Kini terdapat 10 buah agensi di bawah KUSKOP. Ini menunjukkan bahawa KUSKOP amat komited untuk membantu koperasi dan usahawan selaras dengan

Misi Kementerian untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan konduksif bagi menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara yang inklusif, mampan serta dipacu oleh pengetahuan dan inovasi.

14. Besar harapan saya dengan taklimat yang telah disampaikan oleh IKMa, SKM dan ANGKASA sebentar tadi dapat memberi manfaat dan membuka ruang serta peluang kepada warga koperator untuk terus meneroka peluang perniagaan dan pasaran baru melalui sektor selain daripada sektor yang telah diceburi dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota.

**Tuan/Puan Hadiran Sekalian,**

15. Saya turut rasa berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh gerakan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi negara secara inklusif. Menurut statistik sehingga 31 Disember 2022 (sumber, SKM) gerakan koperasi di **Perak** merupakan negeri yang **Ke-3 tertinggi** dengan bilangan **koperasi Negeri Perak** iaitu **1694 buah koperasi** dan secara keseluruhan statistic gerakan koperasi di Malaysia:
  - (i) Jumlah Koperasi Malaysia: 15,315 koperasi
  - (ii) Keanggotaan: 7.05 juta orang
  - (iii) Perolehan: RM38.49 bilion
16. Tahniah dan syabas kepada gerakan **koperasi Negeri Perak**, iaitu pada tahun 2022, sejumlah **11 buah koperasi telah tersenarai dalam senarai Top 100 koperasi terbaik**. Koperasi terlibat

dalam **sektor pertanian, kredit dan peruncitan**. Sebagai sebuah Negeri yang mempunyai bilangan koperasi kedua tertinggi, ini merupakan angka yang besar dan mampu untuk mewujudkan satu rangkaian perniagaan yang kukuh dan mampan. Diharap agar koperasi dapat meningkatkan usaha dan agar sentiasa mempunyai sifat daya saing yang tinggi disamping meningkatkan keinginan untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan bidang perniagaan dan keusahawanan.

17. Dengan jumlah koperasi di **Daerah Kinta** sahaja berjumlah **469 buah koperasi** saya amat yakin gerakan koperasi di Negeri Perak khususnya mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melihat sektor koperasi terus berdaya saing demi pertumbuhan dan kemampanan koperasi di masa akan datang. Justeru, salah satu aspek yang penting adalah melahirkan modal insan koperasi yang berkualiti, yakni berpengetahuan, berwawasan, berinovasi, berkaliber, berintegriti dan jaringan kerjasama antara koperasi.
18. Dalam menyebarluaskan lagi peranan IKMa sebagai pusat latihan dan pendidikan koperasi di seluruh negara, beberapa cawangan baharu telah pun diwujudkan dan bagi di Negeri Perak telah pun diwujudkan satu cawangan khusus yang berpusat di Ipoh yang mana ia khusus bagi memberi ruang dan juga peluang kepada koperator – koperator di seluruh Negeri Perak untuk menghadiri program – program yang dianjurkan oleh IKMa. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan lagi penyertaan para korporator dan juga

masyarakat kepada program – program yang dianjurkan oleh IKMa dan juga oleh Agensi - Agensi kerajaan di bawah KUSKOP.

19. Selain daripada menganjurkan kursus dan program latihan bersasar pegawai latihan IKMa juga mangambil inisiatif untuk membantu koperasi dalam memberi khidmat rundingan dan bimbingan secara berfokus mengikut keperluan semasa koperasi sama ada dalam bidang pengurusan dan pentadbiran atau pun bidang perniagaan. Program Bimbingan Bersasar telah mula dilaksanakan pada tahun 2020 sehingga kini dimana objektif utama adalah berfokuskan kepada melonjakan pendapatan koperasi kearah peningkatan profesionalisme dan kesejahteraan koperasi.
20. Program Bimbingan Bersasar yang dilaksanakan seperti Program C.O.D.E objektif utama adalah untuk meningkatkan pengetahuan koperasi dalam era digitalisasi dan seterusnya koperasi dapat mengaplikasikannya di koperasi. Disamping Program Bimbingan F.A.S.T melihatkan dari aspek kewangan dan akaun, ianya membimbing koperasi agar dapat meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam operasi perakaunan dan kewangan, program ini adalah merupakan inisiatif IKMa bagi membimbing koperasi melakukan peralihan daripada sistem manual kepada sistem berkomputer.
21. Program – program bimbingan yang dilaksanakan oleh pihak IKMa adalah saling melengkapi bagi memberi peluang dan ruang kepada gerakan koperasi agar sentiasa dalam keadaan bersiap sedia dan mampu merebut peluang memceburkan diri dalam aktiviti sektor

perniagaan yang berimpak tinggi melalui Program Bimbingan CoopBizpreneur, IKMa akan membantu koperasi melihat potensi dan peluang perniagaan yang boleh diceburi koperasi agar koperasi sentiasa berada seiring dengan sektor – sektor penggerak ekonomi yang lain.

22. Seiring dengan Misi IKMa sebagai pemangkin transformasi koperasi di Malaysia melalui Pendidikan dan Latihan melalui intervensi yang inovatif, IKMa aktif menjalankan penyelidikan dalam konteks keperluan semasa koperasi dalam mahupun luar negara. Diharapkan agar hasil daripada penyelidikan dan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada gerakan koperasi dan IKMa dapat dijadikan sebagai pusat rujukan utama koperasi. Sehubungan ini, gerakan koperasi boleh mendapatkan segala bahan terbitan dan koleksi buku rujukan dan terbitan IKMa dalam di Portal Perpustakaan IKMa atau boleh berkunjung ke perpustakaan IKMa.

**Tuan/Puan Hadiran Sekalian,**

23. Saya juga ingin berkongsi tentang penubuhan **Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia** (UKKM) yang merupakan universiti milik penuh IKMa. Berkonsepkan universiti butik, UKKM yang berperanan sebagai pemangkin pembangunan modal insan koperasi di negara ini, bakal melahirkan pelapis pemimpin koperasi yang kompeten dan profesional. Untuk makluman bersama, pihak MQA telah memberi kelulusan sementara kepada UKKM untuk melaksanakan dalam masa yang terdekat ini 5 buah program iaitu program di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan juga di

peringkat Master. Sehingga selesai proses audit premis yang akan diadakan oleh pihak JPT pada 17 Mac 2023, surat kelulusan beroperasi sepenuhnya akan dikeluarkan kepada UKKM dan sehingga itu UKKM boleh membuat pengambilan pelajar bagi kesemua program – program yang ditawarkan.

24. Program yang akan ditawarkan bermula daripada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, hingga ke peringkat Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang pentadbiran dan keusahawanan. Semoga universiti ini mendapat sambutan yang cukup baik daripada para koperator dan masyarakat.

**YBhg. Tan Sri, Dato', Tuan dan Puan yang dihormati sekalian,**

25. Koperasi telah wujud sewal tahun 1922, ini bermakna penubuhan koperasi telah bertapak selama 101 tahun di Malaysia. Tahun lepas tahun 2022 koperasi telah menyambut 100 Tahun gerakan koperasi di Malaysia. Memang ini sesuatu yang boleh membanggakan dan telah tiba masa untuk satu perubahan/penambahbaikan diadakan supaya sektor koperasi kekal efektif dalam suasana ekonomi yang sangat mencabar dan tidak menentu.
26. Secara keseluruhannya, selaras dengan perkembangan satu abad gerakan koperasi, anjakan paradigm dalam koperasi, pemantapan kepimpinan dan pengurusan koperasi perlu diperhebatkan.

27. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih diatas sokongan yang diberikan oleh semua pihak yang berkepentingan khususnya kepada gerakan koperasi di Negeri Perak terhadap apa juu aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak IKMa dan agensi – agensi KUSKOP. Saya berharap semua ALK, Anggota Koperasi dan Pengurusan akan terus beriltizam dan komited untuk menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan lebih cemerlang.

### **Ucapan Perasmian Penutupan**

28. Akhir kata, saya dengan lafaz **BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM** merasmikan **Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (Maskop) 2023.**
29. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.